

02/11/2003

Perdana Menteri baru dan agenda Melayu

Johan Jaaffar

BEKAS Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad akan diingat antara lain kerana usahanya memajukan bangsa Melayu. Beliau percaya bahawa bangsanya - dengan segala label dan bajet sejarah - boleh berjaya seperti bangsa lain di dunia. Beliau percaya hanya dengan kejayaan, orang Melayu boleh menebus maruah.

Terlalu lama, orang Melayu hidup di tengah kekangan feudalisme dan kemudiannya ditakluk minda dan jiwa mereka oleh penjajahan. Orang Melayu diperingatkan sepanjang masa oleh kekecilan dan ketidakupayaan mereka. Maka itu di sebalik kreativiti dan panjang akal mereka untuk survival, orang Melayu tidak punya motivasi untuk lebih berjaya dalam hidup mereka.

Apakah yang boleh dimimpikan oleh para petani dan pelaut yang hidup dalam sistem yang sama sekali tidak bebas dan demokratis. Untuk ribuan tahun feudalisme menentukan nilai dan psyche orang Melayu. Rakyat hidup susah sedangkan golongan istana dan kelompok bangsawan senang lenang.

Umno melalui dasar-dasarnya telah "mengejutkan" orang Melayu dengan pelbagai program kejuruteraan sosial yang melonjakkan harapan dan sekali gus mengubah cara hidup mereka. Rancangan Felda memungkinkan jutaan orang Melayu keluar dari belunggu kemiskinan. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah meningkatkan taraf pencapaian ekonomi orang Melayu. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah memberi peluang kepada anak-anak Melayu untuk mendapat pendidikan yang lebih baik.

Semua ini telah membantu meningkatkan mobiliti sosial bangsa Melayu, sekali gus menaikkan harga diri, self-esteem dan sedikit sebanyak menebus maruah mereka. Masyarakat Melayu sebenarnya telah mengalami proses transformasi luar biasa. Maka itu tidak hairanlah kalau berlaku ketepenanjatan, kesan buruk dan kebingungan. Banyak yang lebih memilih untuk melihat arus perubahan daripada terlibat secara langsung. Banyak juga yang berselindung di balik tabir agama dan fahaman sempit Islam untuk menolak perubahan.

Pada waktu yang sama, ada parti politik yang menanggung di air keruh mengambil kesempatan dari kekeliruan ini. Sebahagian orang Melayu berpecah kerana ideologi. Isu yang berbangkit ialah kebencian terhadap pemimpin tertentu dan bagaimana agama Islam harus ditafsir. Isu sebenar mengenai nasib, masa depan dan masalah orang Melayu terabai kerana yang penting ialah undi, kuasa dan kedudukan.

Cuma kita lihat "mercu tanda" kejayaan lain di kalangan orang Melayu. Ambil sahaja penguasaan komputer. Walaupun tidak ada data terbaru mengenai pemilikan komputer berdasarkan kaum tetapi tinjauan terhadap "internet access" berdasarkan negeri-negeri boleh memberikan sedikit petanda. Berdasarkan peratus taburan, Kelantan dan Terengganu mencatatkan kadar paling rendah yakni 0.8 dan 1.1 peratus. Sebagai perbandingan, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan 23.9, 26.3 dan 10.5 peratus.

Ada satu faktor utama yang penting di sini. Penguasaan bahasa Inggeris yang lemah menyebabkan hal ini berlaku. Bahasa internet ialah bahasa Inggeris. Tambahan pula sikap bahawa teknologi "harus dicurigai sebelum diterima" membawa masalah yang tersendiri dalam melahirkan generasi yang celik komputer.

Pada waktu yang sama prestasi anak-anak Melayu dalam bidang pendidikan masih belum boleh dibanggakan. DEB tidak boleh bertahan sampai bila-bila.

Meritokrasi dalam pendidikan akan menjadi kenyataan lambat laun. Orang Melayu tidak boleh hidup dengan mentaliti subsidi, budaya pergantungan pada kerajaan dan hak istimewa sampai bila-bila.

Kita banyak mendengar bahawa pendidikan membantu mewujudkan masyarakat yang lebih terbuka dan maju. Lihat apa yang berlaku pada masyarakat Arab hari ini. Kajian terbaru menunjukkan hanya terdapat 18 komputer bagi 1000 penduduk Arab berbanding dengan purata di negara-negara maju sebanyak 78.3 komputer. Dari segi internet access hanya mencatatkan 1.6 peratus, baik sedikit dari Kelantan dan Terengganu.

Kita juga melihat kaitan buku-buku terjemahan dari bahasa asing dengan kemajuan dan pencapaian umat Arab. Buat masa ini hanya terdapat sebuah buku terjemahan bagi sejuta penduduk berbanding dengan Sepanyol yang mempunyai purata 920 buah buku terjemahan bagi sejuta penduduk.

Kita melihat sesuatu yang luar biasa berlaku dalam masyarakat Melayu hari ini. Dalam banyak hal orang Melayu mengatasi orang Arab, termasuk pencapaian pendidikan, pendapatan per kapita dan pendedahan pada teknologi. Seperkara lagi ialah orang Melayu tidak berdepan dengan jurang perbezaan kaya-miskin sehebat yang dialami oleh bangsa Arab.

Orang Arab mengharapkan pendidikan (termasuk peluang kaum wanita menuntut ilmu) dan pendedahan pada teknologi sebagai pra-syarat untuk perubahan. Mereka mengharapkan juga demokrasi di negara-negara mereka akan mengubah kehidupan rakyat. Kita harus ingat bahawa kesemua 22 buah negara Arab-Islam belum sepenuhnya demokratik dan hanya separuh dari 24 buah negara Islam bukan Arab yang mengamalkan demokrasi.

Ironinya di Malaysia, peningkatan taraf hidup dan kejayaan ekonomi serta kelahiran generasi baru usahawan, ahli perniagaan dan kalangan profesional telah memberikan kesan politik yang berbeza pula. Orang Melayu yang berjaya banyak yang meninggalkan sokongan pada parti yang dasarnya bertanggungjawab mengubah kehidupan mereka.

Cuba kita perhatikan pola pengundian pemilih sejak pilihan raya umum tahun 1974. Pada tahun 1999, peratus undi popular untuk Barisan Nasional (BN) adalah yang kedua terburuk selepas undi untuk tahun 1990 (52.0 peratus). Peratusan undi untuk BN pada tahun 1999 ialah 56.1 peratus. Undi terbaik yang diperoleh oleh BN ialah pada tahun 1995 (65.0 peratus) diikuti tahun 1974 (60.7 peratus) dan 1982 (60.5 peratus). Kita semua tahu sokongan terhadap Umno menentukan prestasi sebenar BN.

Kalau kita lihat secara rambang, terdapat peningkatan dramatik jumlah undi untuk pembangkang di negeri-negeri yang selama ini secara tradisinya tunggak kekuatan BN. Ambil sahaja, Negeri Johor pada tahun 1999. Walaupun BN "sapu bersih" di Johor, tetapi 27.1 peratus undi diberikan oleh rakyat Johor pada barisan alternatif. Hampir di semua negeri, memperlihatkan peningkatan undi popular untuk barisan alternatif. Hakikat bahawa undi untuk BA di Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor boleh mencecah 40.8 peratus, 43.42 peratus dan 46.6 peratus sepatutnya menjadi siren amaran bagi Umno dan BN.

Kita boleh mengatakan faktor penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membezakan di antara pilihan raya 1999 dengan yang lain. Tetapi kita juga jangan lupa pola pengundian kepada pembangkang pada keseluruhannya meningkat semenjak "matangnya" DEB dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Kita boleh memberi pelbagai alasan mengapa Umno hanya memperoleh 72 kerusi Parlimen (dari 148 untuk BN) dan 176 kerusi Dewan Undangan (dari 281 untuk BN) dalam pilihan raya lalu. Ada pandangan yang mengatakan bahawa Umno tidak lagi memberikan perhatian pada agenda Melayu, maka persepsi umum ialah Umno tidak lagi dapat mendakwa mewakili atau memperjuangkan kepentingan Melayu.

Pandangan ini mungkin tidak adil. Tetapi soalan harus ditanyakan oleh Umno sendiri bagaimana keadaan ini boleh berlaku. Kita boleh mengatakan

orang Melayu tidak menghargai jasa-jasa Umno. Kita boleh juga mencari salah orang lain untuk mewajarkan kelemahan kita. Tetapi kita harus ingat, ini masa untuk bertindak. Dalam pilihan raya, sejarah sentiasa boleh dijadikan guru.

Maka itu Perdana Menteri yang baru yang juga Pemangku Presiden Umno mempunyai banyak cabaran untuk memastikan bahawa "wake up call" pada tahun 1999 itu mendapat perhatian yang sewajarnya. Masalah harus dikenal pasti dan pelan tindakan dikenal pasti segera. Itulah di antara keutamaan baru Perdana Menteri baru dalam menghadapi dilema baru bangsanya.

\* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad.